

[Type the company name]

MODUL LATIH TUBI SPM 2006

LATIH TUBI AQIDAH TINGKATAN 4

PELAJARAN 10: PERKARA MEMBATALKAN IMAN (SYIRIK)

BAHAGIAN A (OBJEKTIF) ANEKA PILIHAN

- | | |
|---|--|
| 1 Manakah di antara berikut adalah akibat perbuatan syirik kepada individu?

A Mengurangkan iman
B Membatalkan akidah
C Hidup tidak tenteram
D Memutuskan silaturrahim | 3 Orang yang mengamalkan perbuatan syirik dinamakan


A kafir
B munafik
C murtad
D musyrik |
| 2 Di antara contoh syirik jali ialah

A riak
B tidak mengakui balasan di akhirat
C menyembah bulan, bintang atau matahari
D membuang ancak bagi menghalau hantu | 4 Syirik khafi ialah syirik yang dilakukan

A secara terbuka
B secara sembunyi
C secara bertafakur
D secara terang-terangan |

ISI TEMPAT KOSONG

- Syirik yang tersembunyi dalam diri manusia dinamakan syirik _____.
- Hukum mengamalkan perbuatan syirik ialah _____.
- Menyekutukan Allah S.W.T dengan sesuatu pada zat, sifat dan af'alnya disebut _____.
- Syirik _____ ialah tidak meletakkan Allah S.W.T sebagai sesuatu yang mutlak dalam niat, terutamanya dalam ibadat.
- _____ ialah orang yang mengagumi diri sendiri.
- Lengkapkan rajah berikut.



BAHAGIAN B:

- Syirik ialah perbuatan yang boleh membatalkan iman.
 - Apakah erti syirik? (2 markah)
 - Nyatakan **dua** contoh syirik? (2 markah)
 - Berikan **dua** contoh syirik khafi? (2 markah)
 - Jelaskan **dua** akibat amalan syirik terhadap masyarakat. (6 markah)
 - Terangkan **dua** usaha untuk menjauhkan diri daripada perbuatan syirik? (4 markah)

PELAJARAN 10 : PERKARA MEMBATALKAN IMAN (KUFUR)

BAHAGIAN A (OBJEKTIF)

ANEKA PILIHAN

- 1

“Mengingkari Allah S.W.T sebagai pemberi rezeki kepada manusia dan makhluk ciptaanNya.”

Pernyataan di atas adalah merujuk kepada maksud

- A kufur akhlak
- B kufur nikmat
- C kufur syariat
- D kufur hakikat

- 2 Di antara contoh kufur hakikat ialah

- I menunjuk-nunjuk kehebatan diri
- II tidak mengakui balasan akhirat
- III enggan mengeluarkan zakat dan sedekah
- IV menolak hukum yang terdapat dalam al-Quran

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- 3

“A” seorang muslim tetapi sering mempertikai dan menolak hukum-hukum yang terdapat dalam al-Quran.
--

Perbuatan “A” boleh menyebabkan

- A kufur hakikat
- B kufur nikmat
- C khurafat
- D munafik


- 4 Faktor yang menyebabkan berlakunya kekufuran ialah

- A dipaksa oleh seseorang
- B suka melakukan maksiat
- C derhaka kepada ibubapa
- D terpengaruh dengan hawa nafsu

ISI TEMPAT KOSONG

- 1 Ingkar atau menafikan rukun iman dan menolak syariat yang dibawa oleh Rasullullah s.a.w ialah kufur _____.

- 2 Soalan berikut berdasarkan rajah di bawah.



- 3 Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang sesuai.



BAHAGIAN B:

- 1 Firman Allah S.W.T:

سورة محمد: ٨ وَالَّذِينَ كَفَرُوا فَتَعْسَاهُمْ وَأَضَلَّ أَعْمَلَهُمْ

Ayat di atas menerangkan akibat ke atas orang kafir.
Nyatakan **dua** akibat tersebut?

(4 markah)

.....

.....

- 2 Huraikan **dua** faktor dalaman yang mendorong ke arah kekufuran.

(4 markah)

.....

.....

- 3 Jelaskan **dua** cara menghindari perbuatan kufur.

(4 markah)

.....

.....

PELAJARAN 10 : PERKARA MEMBATALKAN IMAN (RIDDAH)

BAHAGIAN A

(OBJEKTIF) ANEKA PILIHAN

1.

“Mengisytiharkan dirinya keluar daripada agama Islam”

Pernyataan di atas boleh membawa seseorang menjadi murtad dengan cara

A amalan
B iktikad
C perbuatan
D perkataan

2. Berikut adalah cara menangani orang yang murtad **kecuali**

A dibuang daerah
B dikenakan hukuman bunuh
C memberi perlindungan atau bantuan sekiranya dia golongan muallaf
D memberi nasihat supaya dia bertaubat dan kembali kepada agama Islam

3. Di antara hikmah hukuman bunuh kepada orang murtad ialah

I menghalang perbuatan merendah dan memburukkan agama Islam
II memberi amaran bahawa agama Islam tidak boleh dipermainkan
III mencegah daripada sifat mementingkan diri sendiri
IV menjatuhkan maruah diri dan keluarga

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

4. Manakah antara berikut adalah kesan perbuatan riddah?

I Hubungan suami isteri terpisah
II Kekal sebagai penghuni neraka
III Berhak mewarisi harta pusaka warisnya
IV Harus dikebumikan di tanah perkuburan Islam

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

ISI TEMPAT KOSONG

- 1 Orang yang murtad haram menerima _____ daripada waris beragama Islam.
- 2 Penetapan hukuman bunuh ke atas orang yang murtad diriwayatkan oleh _____.
- 3 _____ adalah tempat pembalasan orang-orang yang murtad.
- 4 Khalifah _____ adalah orang yang pertama memerangi golongan riddah.
- 5 Apabila salah seorang pasangan suami isteri murtad, perkahwinan mereka _____.

BAHAGIAN B:

- 1 (a) (i) Apakah pengertian riddah? (2 markah)

.....

- (ii) Tuliskan **dua** cara seseorang itu boleh menjadi murtad. (4 markah)

.....

- (b) (i) Jelaskan **dua** kesan perbuatan murtad terhadap individu. (4 markah)

.....

- (ii) Terangkan **dua** sebab seseorang itu murtad. (4 markah)

.....

.....

PELAJARAN 10 : PERKARA MEMBATALKAN IMAN (KHURAFAT)

**BAHAGIAN A
(OBJEKTIF) ANEKA PILIHAN**

- 1 Contoh amalan khurafat ialah

- A membuang anjak bagi menghalau hantu
- B menyembah bulan atau matahari
- C meminta bantuan daripada syaitan atau makhluk halus
- D menolak hukum yang terdapat dalam al-Quran

- 2 Seseorang yang mempercayai dan mengamalkan perkara-perkara khurafat akan menyebabkan

- I menyekat akal berfikir secara logik dan sistematik
- II melindungi diri daripada segala bala
- III menyebabkan syirik dan batal iman
- IV mengukuhkan perpaduan masyarakat

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- 3

X

 →

Kepercayaan karut yang dianggap mempunyai hubungan dengan agama Islam sedangkan ianya bertentangan syariat Islam
--

“X” adalah merujuk kepada maksud


- A sihir
- B nifak
- C syirik
- D khurafat

- 4 Cara mengatasi khurafat dalam masyarakat ialah

- A menjauhkan diri dari pengamal khurafat
- B menangkap orang yang mengamalkan khurafat
- C menggiatkan usaha-usaha dakwah dan majlis-majlis ilmu
- D mengasingkan orang yang mengamalkan khurafat di suatu tempat

ISI TEMPAT KOSONG

1



- 2 Mempercayai binatang seperti burung boleh membawa tuah atau sial termasuk dalam perbuatan _____.
- 3 Membazir masa, harta dan tenaga adalah akibat khurafat kepada_____.
- 4 Mereka yang mengamalkan khurafat akan _____ oleh Allah S.W.T.

BAHAGIAN B:

- 1 Apakah hukum mengamalkan perbuatan khurafat.

(2 markah)

.....

.....

- 2 Terangkan **dua** contoh khurafat yang masih diamalkan dalam masyarakat Islam sekarang

(4 markah)

.....

.....

- 3 Jelaskan **dua** faktor khurafat masih diamalkan oleh masyarakat Islam.

(4 markah)

.....

.....

- 4 Bandingkan maksud khurafat dengan kufur dari segi istilah.

(4 markah)

.....

.....


PELAJARAN 10 : PERKARA MEMBATALKAN IMAN (SIHIR)

BAHAGIAN A (OBJEKTIF) ANEKA PILIHAN

- 1 Berikut adalah kesan amalan sihir kepada masyarakat **kecuali**
 - A menyekat akal berfikir secara logik dan sistematik
 - B memecahbelahkan masyarakat
 - C menimbulkan pergaduhan
 - D mendatangkan fitnah
- 2 Mengapakah amalan sihir boleh membatalkan iman?
 - I Menafikan kekuasaan Allah S.W.T
 - II Memecahbelahkan masyarakat
 - III Meminta pertolongan daripada kuasa ghaib atau syaitan
 - IV Mendatangkan penyakit fizikal atau mental kepada mangsanya
 - A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 3 Manakah di antara berikut **bukan** tujuan menjauhkan diri daripada amalan sihir.
 - A Supaya akidah seseorang terpelihara
 - B Supaya hidup dalam keadaan aman
 - C Terpelihara daripada permusuhan dan persengketaan
 - D Supaya mendapat perlindungan daripada makhluk ghaib
- 4 _____ ialah salah satu cara menjauhkan diri daripada terkena sihir.
 - A Beristiqamah
 - B Bermunajat
 - C Bertafakkur
 - D Berdoa

ISI TEMPAT KOSONG

1



"Z" ialah _____.

- 2 _____ ialah ilmu yang berkaitan dengan perbuatan atau pertolongan makhluk ghaib yang bertujuan untuk memudaratkan manusia.
- 3 Perbuatan sihir dapat dihindari dengan membaca al-Quran dan beribadat dengan _____.

BAHAGIAN B:

1 Individu muslim dilarang mempelajari ilmu sihir.

- (a) (i) Senaraikan **empat** contoh amalan sihir. (4 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** sebab amalan tersebut dilarang kepada individu. (2 markah)

2 Firman Allah S.W.T:

وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَنَ وَلَكِنَّ الشَّيْطَانَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ
سورة البقرة : ١٠٢

Ayat di atas menerangkan tentang orang yang mengamalkan sihir sehingga menyebabkan kekufuran.

- (a) (i) Siapakah nabi yang tidak mengamalkan sihir dalam ayat di atas. (2 markah)
- (ii) Namakan golongan yang mengajar manusia ilmu tersebut. (2 markah)

PELAJARAN 10 : PERKARA MEMBATALKAN IMAN (NIFAK)

BAHAGIAN A (OBJEKTIF) ANEKA PILIHAN

1 Berikut adalah sifat-sifat orang munafik **kecuali**

- A tidak suka berbaik-baik
B tidak memungkiri janji
C tidak bercakap benar
D tidak menunaikan amanah

2 Orang yang mengamalkan perbuatan nifak dinamakan

- A kafir
B fasik
C murtad
D munafik

3 Antara berikut adalah langkah-langkah mengawal diri daripada bersifat nifak.

- I Mengenakan hukuman berat kepada mereka yang terlibat
II Menjauhkan diri daripada pengamal ajaran sesat
III Bercakap benar apabila berbicara
IV Menunaikan janji
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV


4 Berpura-pura melahirkan keimanan sedangkan hati tetap kufur kepada Allah S.W.T

Pernyataan di atas merujuk kepada maksud

- A nifak
B riddah
C kufur
D syirik

ISI TEMPAT KOSONG

- 1 Orang yang menjauhi sifat munafik akan _____ hidup di dunia dan di akhirat.
- 2 Amalan sifat munafik dalam masyarakat akan mengakibatkan _____.
- 3



"X" di atas adalah merujuk kepada _____ munafik.

- 4 _____ adalah ketua golongan munafik yang mencetuskan huru hara di zaman khalifah Uthman b. Affan r.a.

BAHAGIAN B:

- 1 Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah cara anda mengawal diri daripada bersifat nifak.
(4 markah)
.....
.....
- 2 Terangkan **dua** akibat buruk amalan nifak terhadap individu.
(4 markah)
.....
.....
- 3 Mereka yang mengamalkan sifat-sifat munafik ditempatkan dalam neraka.
Huraikan **dua** kebaikan menghindari sifat tersebut.
(4 markah)
.....
.....

PELAJARAN 11: DOSA-DOSA BESAR (UNIT 1)

BAHAGIAN A (OBJEKTIF)

ANEKA PILIHAN

- 1 Berikut merupakan contoh dosa kecil **kecuali**

A	melihat aurat bukan mahram	C	mengumpat
B	mengurat	D	bercakap lucah
- 2 Hukuman kepada pelaku jenayah menurut syarak adalah

I	qisas
II	hudud
III	dam
IV	kifarat

A	I dan II	C	II dan IV
B	I dan III	D	III dan IV

3 Berikut adalah cara berbakti kepada kedua ibubapa ketika sakit.

- I Mentaati segala perintahnya
- II Tidak meninggikan suara kepada keduanya
- III Menziarahi dan merawatnya
- IV Menolong mengambil wuduk jika tidak berupaya

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

4 Hukuman bagi kesalahan mencuri menurut al-Quran ialah

- A dipenjara
- B dipotong tangan
- C disebat dan dipenjara
- D dipotong tangan dan kaki secara berselang

5 Antara berikut yang manakah hikmah diharamkan riba.

- A Mewujudkan semangat rajin bekerja dalam masyarakat
- B Membanteras kezaliman dalam masyarakat
- C Membangunkan ekonomi sesebuah negara
- D Mewujudkan masyarakat yang prihatin

6 Akibat lari dari medan perang


- I akan menerima pembalasan di akhirat
- II dipandang hina oleh musuh Islam
- III merendahkan martabat Islam
- IV terselamat dari dibunuh

- A I dan II
- B I dan III

- C II dan IV
- D III dan IV

ISI TEMPAT KOSONG

1 Lengkapkan rajah berikut:



2 Kesalahan yang dikenakan hukuman tertentu di dunia dan amaran azab di akhirat ialah maksud _____.

3 Riba _____ ialah pertambahan yang diperolehi kerana menangguhkan tempoh bayaran.

4 Pertambahan melalui pertukaran barang yang sama jenis dinamakan riba _____.

5 Hukum melakukan riba ialah _____ dan berdosa besar.

BAHAGIAN B:

1. Jelaskan **dua** faktor yang mendorong seseorang melakukan dosa. (4 markah)
2. (a) Senaraikan **dua** contoh dosa besar. (2 markah)
(b) Tuliskan **dua** contoh dosa kecil. (2 markah)
3. Menderhaka kepada kedua ibubapa merupakan dosa besar.
(a) Nyatakan **dua** sebab larangan tersebut. (4 markah)
(b) Jelaskan **dua** ciri anak yang bertanggungjawab. (4 markah)
4. Menipu dan berbohong adalah kesalahan yang boleh merosakkan diri dan orang lain.
(a) Apakah maksud menipu . (2 markah)
(b) Jelaskan **dua** faktor yang mendorong manusia menipu . (4 markah)
(c) Terangkan **dua** akibat berbohong kepada masyarakat. (4 markah)
5. Terangkan **dua** langkah bagi menangani gejala riba dalam masyarakat? (4 markah)

PELAJARAN 11:DOSA-DOSA BESAR YANG MENGHANCURKAN UMAT (UNIT 2)

BAHAGIAN A (OBJEKTIF) ANEKA PILIHAN

- 1 Hukuman ke atas peminum arak ialah
 - A 06 kali sebatan
 - B 40 kali sebatan
 - C 80 kali sebatan
 - D 100 kali sebatan
- 2 Arak dan dadah diharamkan dalam Islam kerana
 - A mengekalkan kesihatan
 - B memutuskan silaturrahim
 - C menjaga kewarasan akal
 - D mendorong seseorang melakukan jenayah
- 3 Berikut adalah langkah mencegah penagihan dadah di kalangan remaja **kecuali**
 - A mengadakan ceramah anti dadah
 - B memberi didikan agama secukupnya
 - C membina lebih banyak pusat serenti
 - D mengawal pergaulan anak agar tidak terlalu bebas
- 4 Hukuman kepada penzina muhsan ialah
 - A disebat 100 kali
 - B disuruh bertaubat
 - C direjam dengan batu hingga mati
 - D disebat dan direjam dengan batu hingga mati

5

- Kurang didikan agama
- Kerap mengunjungi tempat-tempat hiburan
- Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan

Pernyataan di atas pendorong kepada perbuatan

- | | |
|----------|-----------------|
| A zina | C musahaqah |
| B murtad | D menagih dadah |

6 Berikut adalah kesan liwat kepada individu **kecuali**

- | | |
|----------------------|-------------------------------------|
| A mendapat penyakit | C jiwa tidak tenteram |
| B dibenci masyarakat | D melahirkan masyarakat yang mundur |

7 Mengapakah Allah S.W.T mengenakan hukuman yang amat berat kepada pesalah zina, liwat dan musahaqah.

- I Pengajaran kepada masyarakat
- II Memantapkan institusi perkahwinan
- III Pengajaran kepada orang yang melakukannya
- IV Perbuatan tersebut berleluasa dalam masyarakat

- | | |
|-------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan III | D II dan IV |

8 Di antara syarat bagi seseorang yang menuduh orang lain berzina ialah

- | | |
|-----------------|-----------------------------------|
| A mumaiyyiz | C dua orang saksi |
| B tidak dipaksa | D tidak mengetahui haramnya qazaf |

9 Perbuatan menuduh seseorang yang baik berzina tanpa saksi dinamakan

- | | |
|---------|---------|
| A liwat | C zihar |
| B lian | D qazaf |

10 Hukuman bagi orang yang melakukan qazaf ialah

- | | |
|-------------------|---------------------|
| A 40 kali sebatan | C 100 kali sebatan |
| B 80 kali sebatan | D rejam sampai mati |

11 Perbuatan membunuh diri diharamkan oleh Islam kerana


- A mencabul hak Allah S.W.T
- B disisih oleh masyarakat
- C mati sesuatu yang menyakitkan
- D meruntuhkan ekonomi negara

ISI TEMPAT KOSONG

1 Hubungan jenis antara _____ dengan perempuan dinamakan musahaqah.

2 _____ ialah sejenis bahan yang mengkhayalkan dan menghilangkan daya fikir.

3



“X” merujuk kepada akibat _____.

- 4 Khalifah _____ telah menjalankan hukuman sebat terhadap anaknya yang berzina.
- 5 Hukum membunuh diri ialah _____

BAHAGIAN B:

- 1 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan membunuh diri. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** punca seseorang itu membunuh diri. [4 markah]
- (b) (i) Jelaskan perbezaan antara penzina muhsan dan penzina ghair muhsan (bukan muhsan). [4 markah]
- (ii) Jelaskan kesan zina kepada individu. [4 markah]
- (c) Terangkan langkah mengatasi masalah arak dan dadah yang semakin berleluasa. [4 markah]
- 2 (a) (i) Nyatakan **dua** faktor berlakunya gejala liwat dalam masyarakat. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** akibat liwat atau musahaqah kepada institusi keluarga. [4 markah]

PELAJARAN 12 : TUNTUTAN TAUBAT

BAHAGIAN A (OBJEKTIF)

ANEKA PILIHAN

- 1 Apakah maksud taubat?
- A Supaya mendapat rahmat Allah S.W.T
B Suatu cara beribadat kepada Allah S.W.T
C Memohon keampunan daripada Allah S.W.T
D Memohon hidayah dan petunjuk Allah.S.W.T
- 2 Hukum bertaubat bagi orang yang melakukan dosa adalah
- A wajib C harus
B sunat D makruh
- 3 Berikut pernyataan yang **benar** mengenai taubat.
- A Taubat boleh dilengah-lengahkan
B Allah akan menerima taubat hambaNya
C Segera bertaubat apabila melakukan dosa
D Seseorang itu diharuskan bertaubat apabila telah tua
- 4 Mengapakah taubat perlu disegerakan.
- A Kerana seseorang itu boleh bertaubat bila-bila masa
B Kerana seseorang itu tidak tahu bila ia akan mati
C Supaya dipandang mulia oleh manusia
D Supaya hidup disukai oleh manusia


5 Di antara hikmah taubat ialah

- I mendapat balasan syurga di akhirat kelak
- II menyesal terhadap maksiat yang dilakukan
- III dapat berterus terang memohon maaf kepada manusia
- IV memberi ketenangan hati kepada muslim yang bertaubat


- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

ISI TEMPAT KOSONG

1 Lengkapkan carta di bawah.



2 Isikan tempat kosong dalam carta di bawah:



3 Taubat hendaklah dilaksanakan dengan ikhlas tanpa_____.

4 Lafaz _____ dan solat taubat adalah di antara cara bertaubat yang digalakkan.

BAHAGIAN B:

1 Orang yang melakukan dosa masih diberi peluang oleh Allah S.W.T untuk bertaubat.

(a) Jelaskan **dua** cara bertaubat.

(4 markah)

(b) Terangkan **dua** hikmah taubat terhadap pembentukan peribadi mukmin.

(4 markah)

2 Terangkan **dua** keadaan taubat seseorang yang tidak diterima Allah S.W.T.

(4 markah)